

**PENGAMALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI
(KBAT) DALAM PEDAGOGI BAHASA MELAYU
BERDASARKAN PENGUKURAN CORT (*COGNITIVE
RESEARCH TRUST*)**

*(HIGH ORDER THINKING SKILLS (HOTS) IN MALAY LANGUAGE PEDAGOGY BASED
ON COGNITIVE RESEARCH TRUST (CORT) ASSESSMENT)*

Anida Sarudin
anida@fbk.upsi.edu.my

Husna Faredza Mohamed Redzwan
husna.faredza@fbk.upsi.edu.my

Adenan Ayob
adenan@fbk.upsi.edu.my

Zuraini Ramli
zuraini@fbk.upsi.edu.my

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim Perak

Abstract: *The implementation of High Order Thinking Skills (HOTS) based on the new education blueprint or Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) is an effort to build the highly competitive nation through the realisation of higher order thinking skills for the 21st century education. The Malay Language teachers shall be the individuals who could change the Malay Language pedagogy to a holistic learning process by encouraging thinking process in various field. Therefore, this study aims to identify HOTS practices via Cognitive Research Trust (CoRT) and Plus, Minus, Interesting (PMI) tools. There were 15 teachers involved in this research and the data was collected via structured and unstructured interviews and also by administering questionnaires to the respondents. The result shows that CoRT and PMI thinking tools have been used in Malay Language pedagogy but is moderately implemented. This is because the Malay Language teachers have not mastered the tools accordingly.*

Keywords: *High Order Thinking Skills (HOTS), Cognitive Research Trust (CoRT), Malay Language Pedagogy*

Abstrak : Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) digubal sebagai usaha membina rupa bangsa yang memiliki daya saing yang tinggi melalui pendidikan yang menerapkan pemikiran tinggi di sekolah menjelang abad ke-21. Pelaksanaannya dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu dapat mengubah pedagogi Bahasa Melayu kepada pembelajaran yang lebih holistik dan menggalakkan pemikiran berlaku dalam pelbagai bidang. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti pengamalan KBAT yang berlaku dalam pedagogi guru Bahasa Melayu serta mengukur pengamalan KBAT menerusi peranti Cognitive Research Trust (CoRT) dan alat berfikir PMI (Plus, Minus, Interesting). Seramai 15 orang guru terlibat dalam kajian ini dan data dikumpul menerusi temu bual berstruktur dan tidak berstruktur serta pengedaran soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa penerapan CoRT dan alat berfikir PMI dalam pedagogi Bahasa Melayu telah berlaku, namun masih di peringkat yang sederhana. Hal ini kerana guru-guru Bahasa Melayu masih belum menguasai amalan peranti ini secara terperinci.

Kata Kunci: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Cognitive Research Trust (CoRT), pedagogi Bahasa Melayu

2018 JGBSE

Pengenalan

KBAT merupakan aras yang paling tinggi dalam hierarki proses kognitif yang melibatkan seseorang itu mendapat maklumat baharu, menyimpan dan memberi, menyusun dan mengaitkan maklumat tersebut dengan pengetahuan sedia ada dan akan memanjangkan maklumat itu untuk mencapai sesuatu tujuan atau penyelesaian situasi yang rumit (Rajendran, 2016). Oleh itu, KBAT dianggap sebagai satu komponen penting untuk mewujudkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Maka bertitik tolak daripada gagasan ini, timbul persoalan sejauh manakah KBAT ini mampu membina pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar di sekolah? KBAT memerlukan pelajar menggunakan minda secara meluas dan terbuka bagi menghadapi cabaran global. Perkembangan teknologi yang pesat memaksa pelajar dan guru untuk berdaya saing dalam pelbagai bidang supaya mereka tidak ketinggalan dalam mendapatkan maklumat akibat daripada ketandusan idea.

Menurut Onosko dan Newmann (1994), penggunaan minda secara meluas berlaku apabila seseorang itu perlu mentafsir, menganalisis atau memanipulasi maklumat bagi menjawab persoalan atau menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa KBAT dapat mengubah pedagogi bahasa Melayu yang pada awalnya dianggap membosankan kerana tertumpu kepada bidang itu sendiri sahaja, sedangkan aplikasi KBAT menggalakkan pelajar itu berfikir secara menyeluruh dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh, isu pencemaran alam sekitar:

Situasi 1:

Guru hanya menjelaskan dan membincangkan bersama pelajar berkaitan faktor dan kesan pencemaran alam sekitar sahaja.

Situasi 2:

Guru mengaitkan pencemaran alam sekitar dengan bidang-bidang yang berkaitan seperti Geografi dan Sains. Melalui bidang geografi, guru boleh menjelaskan berkaitan geografi alam sekitar dan geografi manusia. Sebagai contoh, guru boleh menayangkan video sebagai ABM pergerakan struktur tanah dan bumi akibat daripada pencemaran alam sekitar untuk merangsang KBAT dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan kedua-dua situasi di atas, jelas menunjukkan bahawa KBAT mengubah pemikiran pelajar terhadap pedagogi Bahasa Melayu. Jika diamati, situasi 1 menggambarkan pedagogi yang hanya tertumpu kepada kehendak soalan sahaja, manakala situasi 2 merangsang pemikiran pelajar berkaitan pencemaran alam sekitar secara menyeluruh mengikut bidang-bidang yang berkaitan dengannya. Oleh itu, KBAT berupaya membawa perubahan dalam PdPc pelajar supaya PdPc menjadi lebih menarik dan merangsang pemikiran secara meluas dalam pelbagai bidang.

Oleh yang demikian, peranan guru diperlukan dalam menjayakan pelaksanaan KBAT termasuklah mewujudkan implementasi maklumat atau fakta atau idea yang diterima dengan memberi makna yang berlainan dan implikasi yang berbeza daripada kebiasaan. Guru-guru perlu memahaminya, menggabung dan menghubungkan kait antara satu sama lain, mengkategorikan dan memanipulasi sesuatu ilmu itu untuk membolehkan pelajar menemui makna dan kefahaman baharu. Secara jelasnya, KBAT melibatkan kemahiran intelek yang tinggi. Menurut Guilford (1997), pemikiran merupakan sesuatu jenis keupayaan manusia yang dikaitkan dengan daya intelek manusia. Beliau juga menyatakan bahawa intelek manusia merangkumi sekurang-kurangnya 120 pelbagai jenis daya berfikir. Kemahiran berfikir ini kebiasaannya merujuk kepada empat aras teratas dalam Taksonomi Bloom (2001), iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Aplikasi merupakan aras bagi menguji kebolehan pelajar menggunakan fakta, konsep, hukum, teori, prinsip, pengetahuan, dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan. Analisis pula merujuk kepada aras bagi menguji kebolehan pelajar membanding dan menghuraikan faktor-faktor kesamaan, perbezaan dan perhubungan antara satu sama lain. Seterusnya, sintesis merupakan aras untuk menguji kebolehan pelajar mencantumkan, menggabungkan fakta-fakta atau idea-idea yang berkaitan. Terakhir, menilai merupakan aras untuk menguji kebolehan pelajar membuktikan, menilaikan, mengesahkan, mengkritikkan, merumuskan atau memberi pendapat sesuatu pernyataan, ciptaan, karya, prinsip, teori, dan sebagainya.

Pedagogi guru meliputi strategi pengajaran dan pembelajaran yang berbentuk inkuiri, penyelesaian masalah, penyelidikan dan berasaskan projek, pelbagai pendekatan dan aktiviti dalam bilik darjah, penggunaan alat berfikir seperti peta pemikiran dan penyoalan aras tinggi semasa PdPc dan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat pemudahcara. Jika guru-guru memiliki kemahiran ini, pelajar bebas untuk membanding, membeza, menyusun atur, mengelas dan mengenal pasti sebab dan akibat mengikut pendapat dan pandangan mereka sendiri.

Bagi menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar, maka peranan guru sangat signifikan. Usaha ke arah ini perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh. Sebenarnya, kemahiran berfikir ini bukan perkara asing kepada guru kerana mereka

telah didedahkan tentang konsep dan kaedah kemahiran ini semasa mengikuti latihan perguruan di maktab atau universiti suatu ketika dahulu. Tambahan lagi, guru perlu terus meningkatkan keupayaan kemahiran berfikir mereka supaya dapat memberikan yang terbaik kepada pelajar dalam pengajaran mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Nur Athirah Ariffin dan Faridah Yunus (2017) yang berjudul 'Kesediaan guru prasekolah dalam melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran' menyatakan bahawa guru merupakan individu utama dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang berfikir menggunakan pemikiran aras tinggi. Namun, kajian signifikan dalam menentukan keberhasilan pelajar. Walaupun terdapat guru yang cemerlang dalam sistem pendidikan Malaysia, sebuah kajian yang dijalankan pada tahun Kesediaan Guru Prasekolah dalam Melaksanakan KBAT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 2011 mendapati bahawa hanya 50% pengajaran disampaikan dengan berkesan. Hal ini bermakna pengajaran mata pelajaran tidak melibatkan pelajar secukupnya dan penyampaian lebih pasif. Hal ini bermakna, terdapat strategi yang tidak efektif dalam pengajaran guru ekoran daripada kurang pengetahuan dan latihan yang jitu dalam proses memberi pendidikan dan dalam masa yang sama menilai kembali keberkesanan pengajaran mereka. Mata pelajaran yang diajar lebih berfokus kepada pemahaman yang tidak mendalam dan tidak memberi tumpuan kepada kemahiran berfikir aras rendah. Walaupun telah banyak kajian yang dijalankan berhubung dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kalangan pelajar, namun, hanya beberapa kajian sahaja yang menumpukan kesediaan guru dalam pelaksanaan KBAT semasa pengajaran dan pembelajaran.

Dalam kajian tersebut, mereka turut menyentuh kupasan perbincangan KBAT oleh Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod (2015) yang telah menjalankan satu kajian terhadap persepsi guru Bahasa Melayu ke atas pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) iaitu dari segi aspek pemahaman, pengetahuan, pelaksanaan KBAT dalam pengajaran, sikap dan penilaian. Hasil dapatan kajian tersebut mendapati bahawa guru-guru Bahasa Melayu memberikan respon yang positif terhadap pelaksanaan KBAT. Hal demikian kerana aspek pengetahuan guru, aspek penilaian dan kemahiran pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Namun begitu, tahap pemahaman guru Bahasa Melayu dalam PdPc Bahasa Melayu tentang KBAT masih berada di tahap sederhana Berdasarkan konflik ini ini, kajian lanjutan mengenal pasti penyampaian pedagogi Bahasa Melayu memenuhi ciri KBAT perlu dilakukan. Bertitik tolak daripada perkara inilah, kajian ini melanjutkan perbincangan berkaitan pelaksanaan aspek KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah dengan berpandukan skala Penyelidikan Ketelusan Kognitif (*Cognitive Research Trust-CoRT*).

PERMASALAHAN KAJIAN

Selain itu, kajian lepas yang berkaitan dengan topik yang dikaji telah dijalankan oleh Suhaimi Zakaria @ Othman, Baharuddin Aris, Hasnah Mohammed, Norasyikin Mohd Zaid dan Zaleha Abdullah (2014) yang bertajuk Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Model Stesen Rotasi Pelbagai Mod membincangkan tentang kemampuan Pedagogi Model Stesen Rotasi dalam memperbaiki kebolehan pembelajaran sendiri, memperbaiki motivasi dan penglibatan pelajar, meningkatkan sumber pembacaan dan fleksibiliti pembelajaran, berpotensi meningkatkan keberkesanan PdPc guru, memaksimumkan penggunaan aplikasi pembelajaran sosial serta merapatkan jurang digital dalam kalangan pelajar. Pembelajaran Rotasi Stesen Pelbagai Mod berpotensi meningkatkan KBAT dalam kalangan pelajar dengan

gabungan Aktiviti Perbincangan dan Pembelajaran Dalam Talian. Pendekatan ini memerlukan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis dalam menyuarakan pendapat serta memberi jawapan dalam setiap soalan yang diberikan oleh guru. Keberkesanan gabungan Pembelajaran Kolaborasi Dalam Talian dapat memberi impak positif dan membantu pengkaji memahami kekuatan dan kelemahan kaedah yang dicadangkan dalam meningkatkan KBAT dalam kalangan pelajar. Namun begitu, kajian ini hanya tertumpu kepada pengajaran KBAT menggunakan Model Stesen Rotasi yang tertumpu kepada corak pembelajaran dalam talian. Oleh itu, kajian ini cuba dilakukan bagi meninjau sejauh mana penggunaan peranti CoRT dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu merangsang tahap pemikiran aras tinggi kepada para pelajar.

Syed Ismail bin Syed Mustapa et al. (2014) dalam kajiannya yang bertajuk Kegunaan dan Amalan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Semasa Praktikum Fasa II, 2014, menyatakan bahawa persepsi siswa guru terhadap pelaksanaan KBAT berada pada tahap sederhana tinggi, manakala, persepsi siswa guru terhadap amalan KBAT berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa amalan KBAT sering diamalkan oleh siswa guru semasa menjalani praktikum di sekolah, tetapi kebanyakan siswa tidak memahami secara mendalam aspek KBAT sebagai salah satu pelaksanaan dalam pengajaran di sekolah. Namun demikian, kajian ini hanya menghuraikan persepsi KBAT dalam kalangan siswa guru semasa praktikum. Bagi melanjutkan perbincangan berkaitan KBAT dalam konteks pemahaman dan pelaksanaannya dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu di sekolah, kajian ini dilakukan bagi meninjau keberkesanan menggunakan peranti berfikir CoRT.

Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah (2016) pula menjalankan kajian yang bertajuk “Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran”. Beliau melakukan kajian tinjauan terhadap 118 orang guru Bahasa Melayu dari 13 buah sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Instrumen pengumpulan data yang digunakan melibatkan pengedaran soal selidik dan data dianalisis menggunakan *Statistic Package for Science Social (SPSS)* versi 22.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru dari aspek pemahaman (min3.60) dan aspek pengetahuan (min3.35) berada pada tahap sederhana, manakala sikap guru-guru Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi (min 3.61) dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi. Dari segi kemahiran bahasa, kesemua kemahiran menunjukkan penerapan kemahiran aras tinggi yang tinggi (kemahiran dengar tutur min3.86, kemahiran bacaan min 3.83 dan kemahiran tulisan min3.75). Secara rumusnya, kajian ini dapat mengetahui kadar pemahaman dan pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang konsep KBAT dan pengamalannya di sekolah. Namun, kajian beliau hanya tertumpu tinjauan terhadap pandangan guru-guru Bahasa Melayu terhadap konsep KBAT dan bukannya penggunaan aspek KBAT oleh guru itu sendiri. Berdasarkan kelonggaran ini, maka pengkaji akan membincangkan pengaplikasian peranti CoRT sebagai strategi berfikir yang efektif, malah sekali gus menjadi skema yang berpada dalam mengenal pasti ciri-ciri KBAT dalam kalangan guru dan pelajar.

Jika diamati, kebanyakan alat berfikir yang diaplikasikan di sekolah juga menggunakan peranti Peta I-THINK dan *Question Matrics* yang tidak dijana dengan kritis. Hal ini juga menjadi faktor penyebab aspek berfikir aras tinggi kurang digarap dengan berkesan. Dalam konteks pengukuran, alat berfikir tersebut perlu diaplikasikan dengan pelaksanaan yang kritis bukan hanya peta minda biasa dan bukan juga sekadar menggunakan teknik soalan 5WH dalam mencetuskan pemikiran. Edward De Bono (1976) menyatakan

bahawa penyoalan yang dirancang dengan baik merupakan teknik yang paling asas digunakan oleh guru untuk merangsang pelajar berfikir. Aras soalan yang digunakan oleh guru akan mendorong pelajar berfikir pada tahap pemikiran aras rendah atau aras tinggi yang sepadan. Penggunaan soalan aras tinggi akan mendorong pelajar berfikir secara kritis dan kreatif, manakala penggunaan soalan aras rendah akan menggalakkan pelajar mengingat sahaja. Oleh itu, teknik dan strategi yang efektif sebagai inovasi pemikiran perlu didedahkan kepada guru khususnya dan menyedarkan golongan pendidik ini bahawa proses menjana pemikiran pelajar tidak boleh berlaku dengan sewenang-wenangnya.

Penggunaan Program Penyelidikan Ketelusan Kognitif atau CoRT (*Cognitive Research Trust*) yang merupakan peranti berfikir kurang diaplikasikan bagi menonjolkan elemen berfikir dalam kalangan pelajar-pelajar. Walhal, peranti ini menyediakan teknik penjana berfikir yang lebih luas dan ini terbukti daripada enam strategi pemikiran yang dianjurkan yang terdiri daripada bahagian *Breadth* (Keluasan persepsi)- (CoRT 1), *Organisation* (Organisasi berfikir)- (CoRT 2), *Interaction* (Interaksi)- (CoRT 3), *Creativity* (Argumen berfikir kritis dan pemikiran kreatif)- (CoRT 4), *Information and Feeling* (Maklumat)- (CoRT 5), dan *Action* (Tindakan)- (CoRT 6). Setiap bahagian ini melibatkan alat berfikir PMI (*Plus, Minus, Interesting*), CAF (*Consider All Factors*), C&S (*Consequence & Sequel*), AGO (*Aims, Goal, Objectives*), FIP (*First, Important, Priorities*), APC (*Alternatives, Possibilities, Choice*) dan OPV (*Other People's Views*). Penggunaan peranti berfikir ini memerlukan guru lebih merancang soalan, strategi, membina idea dengan lebih luas. Impaknya dalam pengajaran dan pembelajaran akan melahirkan pelajar-pelajar yang berfikir aras tinggi dan mengurangkan kesilapan berfikir. Bertitik tolak dari keperluan ini, kajian ini melanjutkan perbincangan berkaitan menaikkan taraf pendidikan melalui peranti berfikir yang lebih efektif dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Melayu, khususnya.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kualitatif. Burns dan Grove (2003: 195) menyatakan bahawa reka bentuk kajian sebagai satu pelan tindakan untuk menjalankan kajian dengan kawalan maksimum ke atas faktor-faktor yang boleh mengganggu kesahihan penemuan. Kajian yang bersifat kualitatif menyokong kefahaman yang mendalam dan menyeluruh berkaitan sesuatu fenomena. Kompleksiti pemahaman yang terdapat dalam sesuatu fenomena dapat ditangani dengan adanya pendeskripsian yang tuntas dan komprehensif. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dapat memberikan kefahaman yang mendalam berkaitan dengan pemahaman guru-guru Bahasa Melayu tentang pengamalan KBAT serta pengaplikasiannya dalam PdPc Bahasa Melayu terhadap pelajar-pelajar yang majoritinya terdiri daripada Orang Asli. Penelitian deskriptif kualitatif digunakan dengan tujuan untuk mentafsirkan dan menghuraikan data yang bersangkutan pemahaman dan pengamalan KBAT yang bersifat realiti menerusi pemerhatian pengkaji, pencerapan PdPc, dapatan soal selidik dan temu bual bersemuka terhadap guru-guru Bahasa Melayu di lokasi kajian ini.

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah yang terpilih, iaitu di SMK Seri Tapah, SMK Syeikh Abdul Ghani, dan SMK Tapah di Daerah Batang Padang. Sekolah yang terpilih mempunyai populasi pelajar yang terdiri daripada Orang Asli mencatat jumlah paling tinggi

di daerah berkenaan. Oleh sebab kajian ini ingin mengenal pasti pemahaman dan pengamalan guru-guru Bahasa Melayu terhadap pemahaman dan pengamalan KBAT dalam kalangan pelajar-pelajar yang terdiri daripada Orang Asli, maka kajian ini hanya berfokus kepada guru-guru yang pernah mengajar Bahasa Melayu sama ada secara opsyen atau bukan opsyen. Dalam konteks kajian ini, guru-guru Bahasa Melayu terlibat daripada ketiga-tiga buah sekolah tersebut mengajar di Tingkatan 1 dan 2. Proses pengumpulan data melibatkan soal selidik dan analisis temu bual.

Temu bual dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Temu bual berstruktur melibatkan maklum balas berkaitan soalan khusus kepada pengetahuan dan pengamalan KBAT secara profesional sebagai pendidik. Manakala Temu bual tidak berstruktur menhyentuh tentang pandangan khusus berkaitan amalan KBAT yang dilaksanakan semasa PdPc. Seramai 6 orang guru dipilih secara rawak daripada tiga sekolah tersebut ditemu bual

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada Bahagian Latar Belakang Responden dan Bahagian Inventori Profesionalisme Pendidik. Bahagian Inventori Profesionalisme Pendidik mengajukan pengukuran pelaksanaan PdPc Bahasa Melayu yang dilakukan oleh guru-guru Bahasa Melayu berdasarkan pengukuran CoRT yang telahpun dimaklumkan deskripsinya di dalam soal selidik. Seramai 15 orang guru Bahasa Melayu daripada ketiga-tiga buah sekolah tersebut dipilih secara rawak.

Pengukuran KBAT dalam PdPc Bahasa Melayu berasaskan pengaplikasian CoRT merujuk kepada gagasan yang dijelaskan oleh Edward De Bono (1967) yang terdiri daripada 6 bahagian iaitu:

i. *Breadth* (Keluasan persepsi)- (CoRT 1)

Persepsi merupakan suatu tanggapan atau penilaian yang dibuat oleh seseorang melalui pengalaman atau penglihatan mereka sehingga menimbulkan pentafsiran dan penginterpretasian dalam diri mereka tentang sesuatu perkara.

ii. *Organisastion* (Organisasi berfikir)- (CoRT 2)

Organisasi berfikir merupakan asas atau perkara utama yang hendak didahulukan dalam berfikir. Organisasi ini dibina bagi membantu pelajar supaya fokus pemikiran tidak terkeluar daripada isu yang hendak diketengahkan.

iii *Interaction* (Interaksi)- (CoRT 3)

Interaksi boleh dikatakan sebagai komunikasi dua hala. Interaksi ini digunakan bagi menyampaikan maklumat yang lebih jelas dan berkesan.

iv. *Critical Thinking and Argument* (Argumen berfikiran kritis dan pemikiran kreatif)- (CoRT 4)

Pemikiran kritis merupakan keadaan berfikir, iaitu pemikir membuat analisis sesuatu masalah ataupun isu serta menilai proses pemikiran.

v. Information and Feeling (Maklumat)- (CoRT 5)

Maklumat merupakan satu bentuk idea yang diolah berdasarkan pemerhatian seseorang individu terhadap keadaan di sekelilingnya.

vi. Action (Tindakan)- (CoRT 6).

Tindakan boleh dikaitkan dengan proses tindak balas terhadap sesuatu perkara. Setiap perkara yang difikirkan oleh seseorang akan disampaikan dalam bentuk tindakan secara sedar ataupun tidak sedar.

Kajian ini juga akan menghuraikan teknik-teknik yang diaplikasikan dalam peranti berfikir tersebut, iaitu teknik PMI (*Plus, Minus, Interesting*) berserta soalan-soalan dalam instrumen soal selidik yang dinyatakan dalam bentuk jadual 1 dan 2 berikut;

Jadual 1: Alat berfikir PMI (Plus, Minus, Interesting) Menerusi Peranti *Cognitive Research Trust* (CoRT) atau Penyelidikan Ketelusan Kognitif

| Bil. | Alat berfikir | Huraian |
|------|---|---|
| 1 | PMI (<i>Plus Minus Interesting</i>) Kekuatan, kelemahan, keistimewaan) | <ul style="list-style-type: none"> Menyatakan kekuatan, kelemahan dan keistimewaan terhadap perkara yang dibincangkan. |

Jadual 2: Instrumen Soal Selidik PMI (*Plus, Minus, Interesting*)

| No | Perkara Penyelidikan Ketelusan Kognitif (<i>Cognitive Research Trust</i> - CoRT) Program Pemikiran <i>Cognitive Research Trust</i> (CoRT) telah diperkenalkan oleh Edward de Bono bagi membina kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Menurut beliau, kebanyakan latihan berfikir berlaku pada peringkat persepsi. Alat berfikir berikut dibina bagi mengajar kaedah berfikir dengan baik . | CORT 1 | CORT2 | CORT3 | CORT4 | CORT5 | CORT6 |
|----|---|--------|-------|-------|-------|-------|-------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| | (A) PMI – <i>Plus, Minus, Interesting</i> (Kekuatan, kelemahan, keistimewaan) Aspek dari segi Kekuatan (kelebihan, sebab pemilihan dan faedah), Kelemahan-kekurangan, sebab kurang sesuai dan masalah bakal dihadapi) Keistimewaan (daya penarik, implikasi masa hadapan dan kaitan dengan status quo) bagi sesuatu perkara. Merupakan analisis SWOT, iaitu <i>Strength</i> (Kekuatan), <i>Weaknesses</i> (Kelemahan), <i>Opportunities</i> (Peluang) dan <i>Threats</i> (Ancaman) . | | | | | | |
| 1 | Saya sering memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pro dan kontra sesuatu isu. | | | | | | |
| 2 | Pelajar-pelajar saya menjana idea mereka dalam membuat keputusan/ jawapan dalam sesuatu isu. | | | | | | |
| 3 | Saya sering memberi contoh terlebih dahulu berkaitan idea/ jawapan/ keputusan dalam sesuatu isu. | | | | | | |

| | | | | | | | |
|---|---|--|--|--|--|--|--|
| 4 | Pelajar-pelajar saya sering mencetuskan idea/ jawapan/ keputusan yang diluar jangkaan. | | | | | | |
| 5 | Saya menggunakan ABM dalam menggalakkan pelajar mencetuskan idea/ /jawapan/ keputusan pro dan kontra dalam sesuatu isu. | | | | | | |

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN BERDASARKAN TEMU BUAL BERSTRUKTUR DAN TIDAK BERSTRUKTUR

Berdasarkan temu bual, keenam-enam guru menyatakan bahawa isu KBAT telah lama diamalkan sebelum pelaksanaannya sebagai gagasan utama dalam PPPM diperkenalkan pada tahun 2013. Menurut mereka, menerusi gagasan ini, mereka perlu melengkapkan diri dengan beberapa elemen kemahiran dan pengetahuan agar dapat menghasilkan output pengajaran dan pembelajaran yang lebih berdinamik, berkualiti dan berinformasi. Pendedahan berkaitan KBAT bukan sahaja diperolehi daripada pihak kementerian, malah diterima menerusi taklimat dalam kursus-kursus LADAP (Latihan Dalam Perkhidmatan). Selain itu, pihak sekolah juga memberi tanggungjawab kepada panitia dan SIP+ dan SISC+ untuk memberi penerangan kepada para guru berkaitan dengan pelaksanaan KBAT di sekolah. Secara keseluruhannya, semua guru berpendapat bahawa elemen KBAT wajar dan baik diamalkan kerana dapat membantu guru mempelbagaikan strategi pembelajaran bagi menjana idea guru dan pelajar dalam topik pembelajaran. Beberapa justifikasi penting dalam temu bual diperolehi seperti berikut;

Pelaksanaan KBAT Mewujudkan Pembelajaran Interaktif dan dapat Mengukur Aras Pemikiran Pelajar

Berdasarkan analisis, terdapat beberapa orang guru Bahasa Melayu yang bersetuju bahawa pelaksanaan KBAT menjadikan bilik darjah lebih bersifat interaktif, misalnya penggabungan bidang-bidang lain sebagai nilai tambah dalam pengajaran menjadikan sesuatu topik pembelajaran lebih menarik. Contohnya, pengaplikasian unsur muzik bukan sahaja mewujudkan persekitaran yang kondusif, tetapi sebagai elemen yang merangsang penajanaan idea yang dinamik dalam PdPc. Selain itu, terdapat juga guru Bahasa Melayu yang menyatakan bahawa penggunaan strategi pembelajaran abad ke-21 memberi peluang kepada pelajar-pelajar dalam melontarkan pandangan masing-masing terhadap persoalan yang dibangkitkan oleh guru. Dalam aspek pengukuran pula, lazimnya guru dapat mengesan pelajar yang menerapkan KBAT apabila menerima maklum balas pelajar diluar cakupan skema penilaian guru. Namun begitu, timbul beberapa permasalahan berkaitan dengan pengukuran KBAT kepada pelajar-pelajar apabila guru sukar menentukan ruang lingkup KBAT itu sendiri yang melibatkan pendapat atau pandangan yang menyentuh masa hadapan yang sukar dikenal pasti.

Pemahaman dan Pengamalan Guru-guru Bahasa Melayu berkaitan KBAT

Hasil temu bual mendapati bahawa guru-guru Bahasa Melayu memahami KBAT dan menghubungkaitkan amalan atau strategi PdPc. Hal ini termasuklah menggunakan peta i-

THINK, Teknik Penyoalan, penggunaan teknologi serta penggunaan grafik dalam PdPc. Dalam konteks ini, pengkaji merumuskan bahawa kebanyakan guru Bahasa Melayu mengaplikasikan amalan KBAT dengan menumpukan kepada aspek kandungan. Bertitik tolak daripada amalan ini, pengkaji turut mendapatkan maklum balas berkaitan sejauh mana amalan KBAT tersebut membantu dalam melahirkan pelajar yang mampu berfikir dalam aras tinggi. Berdasarkan persoalan tersebut, guru menyatakan bahawa elemen KBAT dapat dilakukan bergantung daripada cara penyampaian guru dalam mewujudkan pembelajaran yang menarik, misalnya guru mampu menggunakan alat ICT, Frog-VLE, dan strategi pembelajaran abad ke-21. Kayu ukur guru dalam pelaksanaan KBAT merangkumi keupayaan pelajar-pelajar dalam mengutarakan pandangan secara luar konteks, penyelesaian masalah, membanding beza serta mengadaptasi ilmu dalam perspektif baharu.

Pengetahuan Guru-guru Bahasa Melayu berkaitan CoRT

Temu bual bersama guru juga menyentuh aspek yang berkaitan dengan pengetahuan CoRT. Hampir kesemua guru yang ditemu bual tidak mengetahui secara mendalam berkaitan dengan aplikasi CoRT, melainkan hanya mendapat gambaran umum menerusi informasi daripada SIP+ dan SISC+. Hal ini kerana, amalan CoRT biasanya diamalkan dalam bidang Sains dan Teknologi kerana bidang ini merupakan bidang teori dan amali. Maka, ukuran CoRT sangat mudah dilakukan berbanding bidang bahasa yang bersifat dinamik (bergantung kepada kebolehterimaan idea). Namun, pada hakikatnya peranti CoRT dapat dianggap sebagai salah satu elemen KBAT yang sesuai diamalkan dalam bidang bahasa kerana peranti ini mampu menyediakan piawai berskematik terhadap idea yang lahir daripada guru mahupun pelajar.

Persediaan Guru-guru Bahasa Melayu dalam Menyahut Pembelajaran Abad ke-21

Berdasarkan temu bual bersama 6 orang guru yang terlibat, sebahagian daripada mereka menyatakan bahawa mereka sentiasa melakukan persediaan untuk mewujudkan PdPc berasaskan KBAT. Antara amalan mereka ialah menyediakan BBM (Bahan Bantu Mengajar) yang menarik dan memberangsangkan bagi menjana idea pelajar. Selain itu, mereka juga menggunakan bahan grafik dan teknologi untuk mengembangkan kemahiran berfikir pelajar. Selain itu, guru juga melakukan perancangan yang sistematik dengan melakukan penskoran markah dalam topik yang diajar bagi menilai tahap pencapaian pelajar-pelajar menerusi latihan dan kuiz. Berdasarkan pandangan ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa amalan KBAT sememangnya telah sedia ada dalam pengetahuan guru, namun masih lagi terdapat kekangan dari aspek pengukuran KBAT yang lebih telus.

PENERAPAN KBAT DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU BERDASARKAN PENGUKURAN COGNITIVE RESEARCH TRUST (CoRT) DAN ALAT BERFIKIR PMI (PLUS, MINUS, INTERSTING)

Program Pemikiran *Cognitive Research Trust* (CoRT) telah diperkenalkan oleh Edward de Bono (2000) bagi membina kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Menurut beliau, kebanyakan latihan berfikir berlaku pada peringkat persepsi. Alat berfikir berikut dibina bagi mengajar kaedah berfikir dengan baik. Dalam kajian ini, fokus ditumpukan kepada jenis peranti berfikir, iaitu PMI – *Plus, Minus, Interesting* (Kekuatan, kelemahan, keistimewaan).

Penerapan KBAT ditinjau menerusi soal selidik. Pengkaji mengkategorikan soal selidik kepada beberapa item inventori pertanyaan yang perlu diisi oleh responden berkaitan aplikasi *Cognitive Research Trust* CoRT alat berfikir PMI – *Plus, Minus, Interesting* (Kekuatan, kelemahan, keistimewaan). Inventori ini mengkehendaki guru Bahasa Melayu menyatakan aspek kekuatan, kelemahan dan keistimewaan dalam pedagogi yang dilaksanakan. Huraian aplikasi peranti CoRT dan PMI yang dinyatakan dalam soal selidik diteliti satu persatu berdasarkan respon responden terhadap pernyataan yang diberikan seperti berikut;

- i) **Saya sering memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pro dan kontra sesuatu isu.**

PENYATAAN 1

Jadual 1: Responden memberi pendedahan berkaitan pro dan kontra sesuatu isu

| | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------|-----------|-------------|
| CoRT 1 | 0 | 0 |
| CoRT 2 | 0 | 0 |
| CoRT 3 | 2 | 13.3 |
| CoRT 4 | 7 | 46.7 |
| CoRT 5 | 4 | 26.7 |
| CoRT 6 | 2 | 13.3 |
| Jumlah | 15 | 100.0 |

Jadual 1 di atas menunjukkan jumlah responden yang memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pro dan kontra mengenai sesuatu isu. Pendedahan pro dan kontra ini menunjukkan guru bersikap terbuka dan memberi ruang kepada pelajar menyatakan kekuatan dan kelemahan topik yang dibincangkan dalam PdPc. Hubungan peranti berfikir CoRT dan alat berfikir PMI didapati menerusi respon responden memilih jenis peranti CoRT yang diaplikasikan dalam PdPc. Data yang diperoleh menunjukkan bahawa 7 orang responden (46.7%) mengkategorikan CoRT 4. Selain itu, terdapat seramai 4 orang responden (26.7%) yang mengkategorikan pernyataan 1 sebagai CoRT 5, manakala 2 orang responden (13.3%) mengkategorikan pernyataan kepada CoRT 3 dan CoRT 4. Analisis ini menunjukkan bahawa guru menggunakan argumen CoRT berfikir kritis dan kreatif dalam PdPc.

- ii) **Pelajar-pelajar saya menjana idea mereka dalam membuat keputusan/ jawapan dalam sesuatu isu.**

PENYATAAN 2

Jadual 2: Idea pelajar dalam membuat keputusan

| | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------|-----------|-------------|
| CoRT 1 | 0 | 0 |
| CoRT 2 | 3 | 20.0% |
| CoRT 3 | 2 | 13.3% |
| CoRT 4 | 5 | 33.3% |
| CoRT 5 | 4 | 26.7% |
| CoRT 6 | 1 | 40.0% |
| Jumlah | 15 | 100.0 |

Jadual 2 di atas menunjukkan pernyataan PMI yang menjana idea pelajar dalam membuat keputusan. Dengan kata lain, guru menggunakan alat berfikir PMI untuk memberi kebebasan kepada pelajar untuk menonjolkan kekuatan masing-masing dalam membuat keputusan. Berdasarkan respon soal selidik, didapati bahawa terdapat 5 orang responden (33%) mengkategorikan pernyataan 2 sebagai CoRT 4. Selain itu, terdapat seramai 4 orang responden (26.7%) yang mengkategorikan pernyataan 2 sebagai CoRT 5, manakala 2 orang responden (13.3%) mengkategorikan pernyataan tersebut kepada CoRT 3 dan terdapat seorang responden memilih CoRT 6 bagi pernyataan ini. Berdasarkan analisis tersebut, pengkaji mendapati bahawa guru juga menjana idea pelajar-pelajar mereka menggunakan argumen kritis dan kreatif (CoRT 4) diikuti dengan guru memindahkan pemerhatian dalam bentuk maklumat (CoRT 5) dan seterusnya diterbitkan dalam bentuk perasaan seperti gembira atau menolak dan membangkang pandangan pelajar.

- ii) **Saya sering memberi contoh terlebih dahulu berkaitan idea/ jawapan/ keputusan dalam sesuatu isu.**

PENYATAAN 3

Jadual 4: Kekerapan responden memberi contoh terlebih dahulu dalam sesuatu isu

| | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------|-----------|-------------|
| CoRT 1 | 0 | 0 |
| CoRT 2 | 0 | 0 |
| CoRT 3 | 4 | 26.7% |
| CoRT 4 | 6 | 40.0% |
| CoRT 5 | 5 | 33.3% |
| CoRT 6 | 0 | 0 |
| Jumlah | 15 | 100.0 |

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa guru memberi idea/ jawapan dan keputusan kepada pelajar apabila membincangkan sesuatu topik dalam PdPc. Hal ini akan menonjolkan kewibawaan guru sebagai pemudahcara terbaik. Dapatan soal selidik juga menunjukkan

bahawa terdapat 6 orang responden (40.0%) mengkategorikan pernyataan 4 dengan CoRT 4, manakala seramai 5 orang responden (33.3%) responden memilih CoRT 5 bagi pernyataan tersebut. Selain itu, terdapat seramai 4 orang responden (26.7%) memilih CoRT 3 dalam pernyataan tersebut. Analisis ini menunjukkan bahawa guru memberi contoh atau sumber rangsangan terlebih dahulu berkaitan sesuatu isu menggunakan pendekatan argumen berfikir kritis dan kreatif (CoRT 4), diikuti dengan guru membuat pernyataan terbuka kepada pelajar-pelajar berkaitan pandangannya dan mewujudkan respons terhadap sesuatu isu (CoRT 5). Hasil soal selidik ini jelas sekali merumuskan guru menyedari tanggungjawabnya sebagai pemberi maklumat dan informasi yang kreatif dan kritis.

iv) Pelajar-pelajar saya sering mencetuskan idea/ jawapan/ keputusan yang diluar jangkaan.

PENYATAAN 4

Jadual 4: Pelajar memberi idea di luar jangkaan.

| | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------|-----------|-------------|
| CoRT 1 | 0 | 0 |
| CoRT 2 | 2 | 13.3% |
| CoRT 3 | 4 | 26.7% |
| CoRT 4 | 3 | 20.0% |
| CoRT 5 | 3 | 20.0% |
| CoRT 6 | 3 | 20.0% |
| Jumlah | 15 | 100.0 |

Jadual 4 menunjukkan pernyataan pelajar memberi idea di luar jangkaan. Kedaaan ini membuktikan guru mengamalkan teknik PMI bagi tujuan memperkasakan idea di luar konteks dalam kalangan pelajar bagi menonjolkan kekuatan maklumat pelajar. Berdasarkan dapatan soal selidik, didapati bahawa, terdapat seramai 4 orang responden (26.7%) memilih CoRT 3, manakala seramai 3 orang responden (20.0%) memilih CoRT 4, CoRT 5 dan CoRT 6 sebagai respon kepada pernyataan tersebut. Selebihnya, terdapat 2 orang responden (13.3%) memilih CoRT 2 untuk pernyataan ini. Berdasarkan dapatan ini, jelas menunjukkan bahawa guru menyatakan bahawa pelajar-pelajar mereka mencetuskan idea atau jawapan menerusi perkongsian maklumat antara guru dan pelajar (CoRT 3) dan hal ini jelas mempamerkan bahawa interaksi sangat penting dalam membina upaya berfikir pelajar.

- v) **Saya menggunakan ABM dalam menggalakkan pelajar mencetuskan idea/ /jawapan/ keputusan pro dan kontra dalam sesuatu isu.**

PENYATAAN 5

Jadual 5: Penggunaan ABM dalam menggalakkan cetusan idea dari pelajar

| | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------|-----------|-------------|
| CoRT 1 | 0 | 0 |
| CoRT 2 | 0 | 0 |
| CoRT 3 | 3 | 20.0% |
| CoRT 4 | 7 | 46.7% |
| CoRT 5 | 3 | 20.0% |
| CoRT 6 | 2 | 13.3% |
| Jumlah | 15 | 100.0 |


Jadual 5 di atas menunjukkan jumlah responden yang mengkategorikan CoRT berdasarkan pernyataan penggunaan ABM mencetuskan idea daripada pelajar. Pernyataan ini membuktikan guru mengamalkan alat berfikir PMI dalam bentuk merangsang idea pelajar menerusi alat bantu mengajar. Penggunaan bahan rangsangan yang bersesuaian adalah penting untuk mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa (Anida et.al, 2016) Hal ini penting bagi melahirkan guru yang profesional dan dapat menghubungkan penggunaan ABM yang berkesan (Anida et.al, 2017) Berdasarkan soal selidik, didapati bahawa terdapat seramai 7 orang responden (46.7%) memilih CoRT 4, manakala, seramai 3 orang responden (20.0%) memilih CoRT 3 dan CoRT 5. Selebihnya, terdapat 2 orang responden (13.3%) memilih CoRT 6 sebagai respons terhadap pernyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa guru memanfaatkan ABM bagi menggalakkan pelajar berfikir kritis dan kreatif dalam mencetuskan jawapan pro dan kontra terhadap sesuatu isu.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Walaupun melibatkan pengajaran dan pembelajaran dilakukan terhadap pelajar-pelajar yang terdiri daripada Orang Asli yang dianggap sebagai golongan yang sederhana dalam aspek potensi pencapaian akademiknya, namun pengajaran bernilai tambah perlu digarap oleh guru Bahasa Melayu dengan menerapkan juga ilmu tambahan kepada pelajar-pelajar yang terdiri daripada Orang Asli tersebut dengan menggabungkan konteks sukatan dengan konteks persekitaran. Guru-guru perlu meluaskan pengajaran kepada pelajar-pelajar mereka mengikut tahap mereka sekaligus menerapkan ilmu aras tinggi ataupun ilmu di luar batas pelajaran mereka. Pengamalan PdPc perlu melibatkan pengajaran bernilai tambah dalam pengajaran Bahasa Melayu demi mewujudkan pelajar berkualiti dalam ilmu yang dipelajari. Sekiranya proses penyerapan ilmu itu tidak berlaku, bermaksud pengajaran bahasa masih di peringkat kebiasaan, iaitu guru masih mengikut cara tradisional mengajar mengikut apa yang terkandung dalam sukatan pelajaran. Fenomena ini perlu diatasi dengan meningkatkan mutu pengajaran dengan menerapkan ilmu-ilmu aras tinggi yang sedikit sebanyak dapat memberi informasi mendalam kepada pelajar-pelajar.

Menerusi kajian ini, pengkaji dapat mengamati bahawa pengamalan KBAT menerusi pengukuran CoRT dianggap masih sederhana dan guru belum menguasainya dengan interaktif. Hal ini terbukti apabila pengamalan peranti CoRT yang tidak menyeluruh, sebaliknya lebih kerap (berdasarkan kekerapan tertinggi) menyentuh elemen berfikir kreatif dan kritis (CoRT 4) berbanding jenis-jenis peranti CoRT yang lain. Hal ini disebabkan guru-guru Bahasa Melayu sukar menentukan penskoran dalam prinsip pentaksiran KBAT dan mereka hanya melihat idea pelajar dari perspektif berfikiran kreatif dan kritis sahaja. Jika konsep CoRT difahami, pedagogi Bahasa Melayu akan lebih bersifat interaktif dan berpengetahuan. Sedangkan, pengaplikasian peranti berfikir CoRT 1 hingga 6 boleh digabungkan dengan melibatkan hubungan dengan teknik Penyelidikan Ketelusan Kognitif yang sesuai. Hubungan kait kedua-dua mekanisme tersebut dapat diperlihatkan dalam jadual di bawah;

Jadual 6 : Hubungkait CORT 1 hingga CORT 6 dengan Alat Berfikir PMI (*Plus, Minus, Interesting*)

| PERANTI BERFIKIR CORT 1-6 | HUBUNGAN TINDAKAN | ALAT BERFIKIR |
|--|---|--|
| CORT 1 <i>Breadth</i> (Keluasan persepsi) |  | PMI (<i>Plus, Minus, Interesting</i>) Kelebihan, kekurangan, keunikan |
| CORT 2 <i>Organisastion</i> (Organisasi berfikir) | | |
| CORT 3 <i>Interaction</i> (Interaksi) | | |
| CORT 4 Critical Thinking and Argument (Argumen berfikiran kritis dan kreatif)- | | |
| CORT 5 <i>Information and Feeling</i> (Maklumat dan Perasaan) | | |
| CORT 6 Action (Tindakan) | | |

Guru-guru Bahasa Melayu boleh memilih teknik yang sesuai yang dapat diaplikasikan bagi mencungkil aspek berfikir dalam setiap perkara yang dinyatakan pada CORT 1 hingga CORT 6. Pemanfaatan teknik yang pelbagai dapat memperlihatkan katajaman daya berfikir

guru dan pelajar-pelajar dalam setiap elemen CoRT yang dipilih atau diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan CoRT dan ujian yang sesuai juga membolehkan guru lebih bersedia dengan alat bantu mengajar yang interaktif dan multikonteks bagi mencungkil idea/jawapan/keputusan yang bernas dan kritis daripada pelajar-pelajar.

Berdasarkan analisis pencerapan PdPc, guru-guru Bahasa Melayu di sekolah Orang Asli yang dikaji, mengamalkan strategi peranti CoRT dan hal ini menunjukkan satu usaha yang baik, walaupun pengayaan terhadap amalan peranti CoRT ini masih perlu diperincikan agar benar-benar mematuhi prinsip yang digagaskan seperti yang digariskan dalam peranti berfikir ini. Respon pelajar-pelajar yang terdiri daripada Orang Asli terhadap aspek KBAT tersebut juga perlu dicungkil dengan mendalam bagi merangsang pemikiran pelajar agar lebih bersifat kritis. Walau bagaimanapun, perkembangan KBAT di dalam bilik darjah yang diteliti di sekolah-sekolah Orang Asli yang terpilih dalam kajian ini, menunjukkan berlakunya usaha mempergiat amalan KBAT seperti yang diharapkan Dalam PPPM (2013-2025).

KESIMPULAN

Guru Bahasa Melayu perlu menerapkan ilmu berfikir aras tinggi dalam pengajaran bagi meningkatkan kualiti pembelajaran. Untuk tujuan penguasaan ilmu bahasa, guru Bahasa Melayu yang profesional perlu mahir menggabungkan aspek teori sama ada yang melibatkan bidang pendidikan dan bahasa serta mahir pula untuk merangsang pemikiran pelajar ke arah proses penaakulan yang kritis. Oleh itu, sifat profesional ini menekankan perlunya guru Bahasa Melayu berilmu dalam bidangnya serta mampu menerapkan strategi berfikir aras tinggi dalam PdPc.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan Geran Penyelidikan Universiti GPU 2016-0194-106-01 yang bertajuk Penerapan KBAT Dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah-sekolah Orang Asli Berdasarkan Pengukuran CoRT (Cognitive Research Trust). Penghargaan kepada RMIC, UPSI atas tawaran geran ini yang bernilai RM6540.00.

RUJUKAN

- Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman dan Ahmad Khair. (2017). Linguistics Approach as Teacher Pedagogy in Inculcating Cognitive Aspects of Preschool Children Journal of Applied Environmental and Biological Sciences, 7(1S), 1-11.
- Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman dan Ahmad Khair. (2016). Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 04, 93-106.

- Anida Sarudin, Husna Faredza, Adenan Ayob dan Zuraini Ramli. *Penerapan KBAT Dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah-sekolah Orang Asli Berdasarkan Pengukuran CoRT (Cognitive Research Trust)*. Geran Penyelidikan Universiti Khas 2016-0194-106-01. RMIC Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Anida Sarudin, Husna Faredza, Adenan Ayob dan Zuraini Ramli. *Pengamalan PMI (Plus, Minus, Interesting dalam Pendidikan Bahasa Melayu)*. (2018). Prosiding Seminar International Multidisciplinary Academic Conference (IMAC 2018) Casuarina Ipoh, Perak, 186-193.
- Anida Sarudin, Husna Faredza, Adenan Ayob dan Zuraini Ramli. *Strategi Efektif Peranti Berfikir Cort (Cognitive Research Trust) Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. (2017). Prosiding Seminar The 3rd Asia Pasific Conference on Educational Management and Leadership (APCEMAL 2017), 464-479.
- Ariffin, N., A., & Yunus, F. (2017). Kesediaan Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan KBAT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*, 147-152.
- Burns, N. & Grove, S.K. 2003. *Understanding nursing research*. 3rd ed. Philadelphia: Saunders Company.
- DeBono, E. (1967). *New Think: The Use of Lateral Thinking in the Generation of New Ideas*. New York: Basic Books
- Bloom, B.S. & Krathwohl, D.R. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals by a committee of college and university examiners. Handbook 1: Cognitive Domain*. NY: Longman, Green
- Hasnah Isnong dan Jamaludin Badusah. (2016). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, Vol. 7, Bil. 1 (Mei 2017): 56-65.
- Marzano, dan Robert J. (2007). *The New Taxonomy of Educational Objectives*: Corwin Press.
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil, Rosmiza Mohd Zainol (2014). Mengupas kecaciran pelajar orang asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space*, Issue 2 , 189 -198.
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shahrudin Ahmad, Noraziah Ali (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space* 10, Issue 5(107 - 122).
- Syed Ismail Bin Syed Mustapa, Pusphavalli A/P A. Rengasamey & Raja Gopal A/L Ponnusamy. (2015). *Kegunaan dan Amalan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Semasa Praktikum Fasa II, 2014*. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan.
- Zakaria @ Othman, Suhaimi and Aris, Baharuddin and Mohammed, Hasnah and Mohd. Zaid, Norasykin and Abdullah, Zaleha. (2014). *Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi melalui model stesen rotasi pelbagai Mod*. Prosiding Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014, 11-13 August, 2014, Skudai, Johor.